



YEOH KER KER

LATAR BELAKANG

Beliau yang berasal dari Pulau Pinang ini mendapatkan latihan profesional di *Conservatorio di Musica 'Luigi Cherubini' Firenze, Italy*. Sepanjang beliau tinggal di sana, beliau telah dianugerahkan biasiswa dan telah mengadakan pelbagai bentuk persembahan.

Beliau yang merupakan *Soprano* telah membuat persembahan *Aspasia in Mitridate Re di Ponto*, *Adele in Die Fledermaus*, dan *Cunegonde in Candide*. Beliau yang telah menamatkan pengajiannya telah memperoleh *High Distinction* dan kemudiannya ditawarkan untuk menyambung pengajian di *Accademia di Alto Perfezionamento* yang telah diasaskan oleh *Fondazione Festival di Puccini* dan mendapat tunjuk ajar daripada *Soprano* Lucetta Bizzi.

Beliau turut mengadakan persembahan secara solo di konsert *Teatro Torre del Lago*, *Teatro del Giglio Lucca*, dan *Parma Lirica*.

Sekembalinya beliau di Malaysia, jadual beliau telah dipenuhi dengan persembahan dan pengajaran. Beliau mengadakan persembahan di festival muzikal seperti

Penang Music Festival, Chin Yong Festival, Penangite's Homecoming Concert with Georgetown Festival, Johor Bahru Art Festival, dan Klang Music Festival.

Sebagai Penyanyi Opera, peranan beliau sebagai *Adina* di *L'Elisir d'Amore* and *Musetta in La Boheme* telah menawan hati dan disukai para penonton. Bergerak sebagai penyanyi solo, beliau telah menyertai pelbagai jenis persembahan. Selain daripada nyanyian solonya *Romanze*, beliau turut muncul di dalam *Can You Handle It?*, *Diva's Night*, *KL City Opera Inaugural Opera Gala*, dan beberapa lagi.

Beliau yang telah menjalinkan kerjasama dengan *Malaysian Philharmonic Orchestra (MPO)* dalam mengadakan persembahan seperti *The Magic Flute* dan *Family Concert*. Beliau pernah bergandingan dengan ramai konduktor yang terkenal termasuklah *Juan Montoya* dan *Guillaume Tourniaire*.

Beliau telah bergandingan bersama *Malaysian Institute of Art* sebagai tenaga pengajar vokal. Kini beliau telah menjadi Pensyarah di Fakulti Muzik ASWARA sejak tahun 2019.